



# HARTA PUSAKA PUNYA PASAL!



**BERSAMA KAUNSELOR**

Po. Sri Fatimah Abdul Ghani

**Perbalahan** keluarga berikutan perebutan harta pusaka yang tidak seberapa membuat saya tertekan dan sedih. Ia memberi tekanan perasaan kepada saya sehingga tidak dapat memfokuskan kepada pengajian.

Saya mohon puuan memberi sedikit pencerahan mengenai isu perebutan harta pusaka supaya saya dapat bimbangannya dan mampu menghadapinya secara rasional.

**TERTEKAN**  
Terengganu

Perbalahan keluarga boleh

menyebabkan tekanan dan gangguan sosial membabitkan emosi. Ia bukan hanya menyakitkan, malah menimbulkan perasaan kurang senang antara satu sama lain. Pengurusan emosi pula membabitkan komunikasi, iaitu perkara paling utama yang perlu diberi perhatian.

Perkongsian ini agak umum tanpa memberitahu isu sebenar. Pun begitu, saya memfokuskan kepada perkara berkaitan perebutan harta pusaka yang sering berlaku dalam kalangan masyarakat.

Ada banyak kes tuntutan pusaka dibawa ke mahkamah kerana kegagalan waris menyelesaikannya secara baik hingga membawa kepada perbalahan keluarga. Perkembangan ini bukan sesuatu yang baik kerana ia boleh memberi kesan kepada nama baik umat Islam

keseluruhannya.

## KURANG PENGETAHUAN DAN TANGGAPAN KURANG TEPAT

Umumnya, pengetahuan masyarakat mengenai harta pusaka dan pengurusan harta pusaka selepas kematian pemiliknya belum meluas. Perbincangan mengenai harta pusaka akan timbul selepas seseorang meninggal dunia sama ada membabitkan harta tidak alih seperti rumah dan tanah atau harta alih seperti wang simpanan dan saham.

Ada antara kita tidak membahagikan harta yang ditenggalkan dengan anggapan biarlah ia digunakan balu arwah untuk kepentingan anak. Ada juga yang menangguhkan pembahagian harta hingga puluhan tahun dengan alasan tidak mahu keluarga berebut. Ada pula menangguhkan dengan alasan tidak mahu

Pelajar tertekan hingga tidak dapat fokus kepada pengajian

dikata orang dia berusaha membahagi harta kerana tamakkan harta si mati.

Semua ini tidak tepat kerana ia sebenarnya mengundang masalah hingga menyebabkan urusan pembahagian bertambah rumit.

## WASIAH DAN HUKUM FARAI

Ada beranggapan orang Islam perlu mengikut wasiat dalam pembahagian harta pusaka dan ada juga beranggapan orang Islam wajib mengikut hukum faraid. Malah, ada juga beranggapan jika si mati tidak meninggalkan wasiat, hartanya tidak boleh dibahagi, sebaliknya perlu ke Amanah Raya untuk menyelesaikan urusan pembahagiannya.

Itu semua anggapan dan pendapat kurang tepat. Bahkan ada juga dalam kalangan kita apabila disebut hukum faraid, terus bayang cara pembahagian iaitu lelaki mendapat dua

bahagian dan perempuan pula satu bahagian. Ini tanggapan salah. Hukum faraid adalah kaedah pembahagian harta pusaka yang ditetapkan Allah. Ia meliputi pembahagian harta kepada suami, isteri, ibu, bapa, anak, adik beradik dan saudara lain.

Wasiat orang Islam dan bukan Islam ada perbezaan besar dari segi hukum dan kesan menurut undang-undang. Wasiat orang bukan Islam akan mengikat ahli waris membuat pembahagian harta peninggalan si mati, manakala wasiat orang Islam tidak mengikat sepenuhnya waris untuk membuat pembahagian sebagaimana dicatat dalam wasiat itu.

Ini kerana hukum faraid tetap akan dijalankan jika ada waris tidak bersetuju dengan wasiat yang ditinggalkan.

Bagi menangani kemelet perbalahan keluarga, anda perlu menghormati mereka yang lebih tua untuk menyelesaikan isu ini secara baik. Pun begitu, anda berhak memberikan cadangan kepada ibu bapa atau ahli keluarga lain untuk menyelesaikan masalah secara rasional.

Selain itu, juga lisan apabila berkomunikasi supaya tidak menimbulkan sebarang perbalahan. Jika tidak mampu bercakap serta berbincang secara aman, sebaliknya diam. Tindakan

mendiamkan diri dalam situasi dan tujuan sebegini sangat tepat bagi mengelak sebarang kekecohan. Justeru, anda perlu mengingatkan ahli keluarga lain untuk menjaga lisan.

Perkara seterusnya ialah menguruskan emosi dengan mendekatkan diri kepada Allah SWT. Memohon petunjuk dan hidayah agar segala masalah dapat diselesaikan secara baik. Berdoa agar diberi kekuatan emosi dan spiritual kepada semua. Letakkan diri anda sebagai contoh ahli keluarga yang berpendirian dan berperibadi mulia.

Mengawal kemarahan juga penting ketika berurusan dengan pihak bermasalah. Kawalan ini boleh dilakukan secara latihan atau menjaga tingkah laku. Jika situasi agak tegang, sebaiknya keluar dari situasi itu buat sementara.

Apabila keadaan kembali reda, teruskan dengan perbincangan. Elakkan emosi ketika berhadapan dengan situasi yang teruk.

Akhir sekali, dapatkan khidmat nasihat sepututnya sebelum merujuk kepada pihak mahkamah. Tingkatkan pengetahuan dan pembacaan mengenai isu perebutan harta pusaka. Seterusnya, ambil tindakan sepututnya. Bersikap adil dan reda dengan hakikat. Amanah Raya tempat yang menyediakan perkhidmatan untuk kes harta pusaka.